

Kes dera kanak-kanak meningkat

KesMO 12/8/13 MS 4



ROHANI (kanan) beramah mesra dengan Norkiah sambil diperhatikan oleh Abang Muhammad Salahuddin (kanan) pada majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri di Kuching semalam.

KUALA LUMPUR - Kes penderaan kanak-kanak di negara ini menunjukkan peningkatan dengan seramai 3,831 orang dilaporkan menjadi mangsa tahun lepas, bertambah 403 orang berbanding tahun sebelumnya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim berkata, statistik itu adalah berdasarkan laporan yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini pula, sebanyak 1,023 orang mangsa dilaporkan dan 669 daripada mereka adalah perempuan," katanya di sini semalam.

Menurut Rohani, antara kes yang sering diterima pihaknya membabitkan penderaan fizikal, emosi dan seksual selain kes kanak-kanak dibuang.

Jelasnya, terdapat banyak faktor kes dera berlaku, namun semuanya bermula daripada ibu ba-

pa sendiri yang antaranya mungkin mengalami tekanan di tempat kerja serta masalah kewangan dan mereka melepaskan tekanan kepada anak-anak.

"Individu yang didapati melakukan penderaan boleh didakwa mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak iaitu kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak yang membawa hukuman denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya," kata Rohani.

Sementara itu, di **KUCHING**, Rohani memberitahu, kementeriannya merancang untuk menambah sebanyak 23 buah Pusat Aktiviti Warga Emas sehingga hujung tahun ini.

Katanya, setakat ini sebanyak 22 pusat itu telah beroperasi di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara.

Menurut beliau, pusat itu di-

bangunkan bagi memberi kemudahan penjagaan harian kepada warga emas yang tinggal berseendirian.

Katanya, penambahan pusat itu sekali gus membolehkan golongan tersebut mengisi masa lapang mereka secara produktif.

"Penghuni pusat tersebut akan diberi latihan dalam pembuatan kraftangan, cenderamata dan aksesori serta beg tangan.

"Malah projek itu juga telah mula menampakkan hasil apabila terdapat dalam kalangan peserta pusat tersebut berjaya menjana pendapatan yang membanggakan menerusi aktiviti ekonomi itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Yang Dipertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng dan isteri, Tok Puan Norkiah Abdullah pada majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri di Kuching semalam.